

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MEI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

Kajian semula RMK12, atasi masalah air di Kelantan, Sabah

# Kajian semula RMK12, atasi masalah air di Kelantan, Sabah

**PUTRAJAYA** - Kerajaan sedang mempersiapkan kajian semula Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi melakukan beberapa perubahan terutama melibatkan perancangan dalam mengatasi masalah air di Kelantan dan Sabah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, isu berkenaan dilihat mengambil masa yang begitu lama untuk diselesaikan sedangkan ia perlu diselesaikan demi kepentingan rakyat.

Katanya, usaha itu bukan bagi membiar atau meremehkan usaha lama, namun ia merupakan komitmen kerajaan dalam memastikan kecemerlangan bagi memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti untuk tujuan penambahbaikan.

"Semalam, dalam Konvensyen Kerajaan Perpaduan, saya sebut tentang rundingan bekalan air di Sabah dan Kelantan. Kalau ikut rancangan kita, ia mengambil masa terlalu panjang iaitu termasuk dalam RMK12 atau Belanjawan Madani.

"Kalau saya sendiri pun duduk di Sandakan dapat air laut air mesin bercampur dengan air untuk minum, ia pasti ada masalah, begitu juga banyak daerah lain



**KEMARAU** yang sedang melanda ketika ini menyebabkan air Sungai Nenggiri mulai kering di Gua Musang, Kelantan.

di Sabah dan Kelantan menghadapi masalah sama, ini bukan soal politik tetapi soal dasar kita," katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

Jelasnya, satu rundingan berhubung isu berkenaan telah diadakan bersama Ketua Menteri Sabah dan Menteri Besar Kelantan dan ia telah dipersembahkan kepada Sultan bagi Kerajaan

Persekutuan mengambil tanggungjawab biarpun ia memerlukan perbelanjaan besar serta tiada dalam perancangan asal.

Ujarnya, dasar itu perlu diubah yang memerlukan kesediaan penjawat awam melakukan anjakan sedikit dari penggubalan dasar sedia ada.

"Sebab itu semalam saya sebut sukuk ke bon ke, tetapi masalah air adalah masalah asas," ujarnya.